

ABSTRAK

Tesis ini membincangkan tarian Melayu di Malaysia dengan memberi fokus kepada bagaimana kedudukan fungsi tari Melayu dalam konteks masyarakat negara Malaysia yang berbilang kaum. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kritikal dengan penulisan deskriptif. Prinsip asas sumber data ialah merujuk kepada Festival Tari Kebangsaan (FTK) daripada tahun 1992 hingga 1999. Data FTK tahun 2000 dan tahun 2001 turut dikaji sebagai tambahan.

Di samping itu, kajian ini membicarakan perkembangan tarian Melayu pada peringkat kebangsaan melalui tahap-tahap pertandingan peringkat negeri di seluruh Malaysia. Kajian juga meninjau peranan masyarakat, serta para pendukung, penyelenggara, karyawan seni, penari dan koreografer. Perkembangan sebelum dan hingga diadakan FTK, dibuat mengikut format akademik, dan pertumbuhan tarian Melayu itu ditanggapi sebagai fenomena kebudayaan, kerana perancangan seni persembahan tarian pada peringkat kebangsaan menyaksikannya sebagai program polariti sosial yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Pertumbuhan tari Melayu Malaysia, oleh itu berkaitrapat dengan antropologi tariannya. Namun struktur koreografinya menjadikannya sebagai satu tanda yang membantu pengembangan ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan kebangsaan Malaysia masa kini. Keterkaitan seni persembahan tarian dalam masyarakat dikenalpasti sebagai mengandungi dinamisme masyarakat, kebudayaan, kesenian, bangsa, suku, adat istiadat, norma, etika dan nilai yang berlaku dalam masyarakat Malaysia itu sendiri.

Melalui FTK, tarian menjadi penggerak sebagai aspek pendukung budaya kebangsaan oleh pelbagai masyarakat Melayu baik kalangan tempatan, pribumi atau Orang Asli. Dengan perspektif seperti ini kaedah kajian *Ethnochoreology* iaitu teori etnologi tari yang meletakkan kepentingan bentuk dan gaya hubungan dalam tarian kesukuan; dijadikan landasan kajian. Kajian seumpama ini telah dibentangkan oleh Martin dan Kurath pada tahun 1964; iaitu sebagai, “*The study of dance forms in relation to other aspects of culture*”.

Perbandingan dibuat antara tarian klasik, tarian etnik dan tarian sosial. Tarian klasik adalah tarian yang sudah jelas sejarah dan kedudukan struktur persembahannya. Tari etnik pula adalah tarian yang berkembang pada satu-satu kaum di Sabah dan di Sarawak di mana persembahannya mengandungi fungsi, pola tradisi, dan sistem upacara adat tertentunya. Tari sosial pula ialah tarian yang digolongkan kepada tarian rekreasi yang bersifat mengajak. Jenis tari sosial ini paling banyak ditemukan dan tumbuh pada tahun 1960-an dan 1970-an di bandar-bandar besar di seluruh Malaysia.

Dalam konteks tarian sebagai bidang perubahan antara wilayah budaya dan dalam mengutamakan kajian bentuk dan gaya seni persembahan FTK, tumpuan kajian ialah koreografi, iaitu mengkaji bagaimana elemen komposisi memperkuat gerak tarian itu. Dalam tesis diterangkan bentuk dan jenis tarian di Malaysia secara ringkas. Hampir semua negeri di Malaysia, memiliki keunikan tarian yang diandalkan sebagai primadona untuk masing-masing negeri. Iaitu konsep primadona menunjukkan dari negeri mana asal tarian itu. Umpamanya, kes-kes seperti tarian canggung di Perlis, boria di Pulau Pinang, asyik di Kelantan, kuda kepang di Johor, sumazau di Sabah, ngajat di Sarawak, sebagai berprestasi tarian primadonanya.

Satu perkara yang menarik misalnya konsep tarian *Potpourri*, ia merupakan bentuk yang dikenali sebagai bahagian istilah tarian di Barat. Dalam kajian ini turut dikaji apakah bentuk ini bersesuaian dengan pementasan persembahan tarian di alam Melayu. Di Malaysia konsep tarian *Potpourri* ini dikenali sebagai tari rampaian. Dalam FTK konsep koreografi tari rampaian ini menjadi salah satu pilihan utama dalam menentukan bentuk dan gaya persembahan karya tarian kreatif kontemporari. Kategori tarian asli tradisional, mempunyai bentuk dan gaya persembahan “dua serangkai”. Maksud dua serangkai ialah gabungan dua bentuk tarian asli dengan dirampaikan dalam satu corak yang dipertandingkan. Kategori merampaikan bentuk tarian asli ini merupakan kegiatan FTK dalam masa sepuluh tahun terakhir ini.

Kandungan tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pendahuluan menempatkan tujuan kajian, objektif, perspektif, pengertian, kaedah, dan hasil yang diharapkan daripada kajian ini. Bab dua membincangkan tarian Melayu di Malaysia serta latar masyarakat dan perkembangannya. Dalam bab ini juga dilihat hubungan antara tarian lama dan moden.

Bab tiga menempatkan ikhtisar tarian asli dalam festival. Ini merangkumi karakteristik umum dan mengulas beberapa kes dalam tarian asli itu sendiri. Sebaliknya, bab empat merangkumi karakteristik dan mengulas beberapa kes dalam tarian kreatif. Diutamakan ialah elemen asas komposisi, konstruksi, motif gerak, estetika bentuk, dan bentuk komposisi tari.

Bab lima membincangkan organisasi dan pemarkahan dengan meliputi aspek organisasi dan penganjur, sistem markah, sidang keilmuan, pengurus atau caria, persembahan gabungan, teks akbhar, rakaman videografi dan perhubungan aktiviti.

Bab enam memfokuskan kepada analisis koreografi, komposisi dan produksi. Di sini, ia juga meliputi perkara koreografi dan komposisi kategori tarian asli dan kreatif. Termasuk juga ialah elemen-elemen koreografi iaitu membincangkan tema, gaya persembahan, frasa gerak, komposisi lantai dan kelompok, perspektif terhadap penonton, ekspresi, hiasan pentas, alat menari, pakaian, aksesori, dan muzik irangan tarian. Bab tujuh merangkumi perbincangan akhir, berbentuk rumusan dan kesimpulan.

ABSTRACT

This thesis is about the Malay dance in Malaysia, focusing on how Malay dance functions in a Malaysian multi-ethnic society. The research used the approaches of critical analysis and descriptive writing. Basic principle of data resource is taken from the Festival Tari Kebangsaan (FTK), or National Dance Festival, from 1992 to 1999. In addition, FTK data from 2000 to 2001 is used as supplementary.

Beside the above, the extent of growth of Malay dance in the national level was reviewed when the dance was contested among states in Malaysia. Next, looking at the role of the society and that of benefactor, organizer, artists, dancers and choreographers, the progress of Malay dance in FTK was established. The growth of Malay dance is seen as a cultural phenomenon, especially in terms of the art of dance performance organized at the national level which caters more on the social polarity program by virtue of it being sponsored by the Ministry of Culture, Art and Tourism.

The growth of Malaysian Malay dance is therefore seen as closely related to the anthropology of dance in general. However, the structure choreography of its marks the progression of society and national culture, as art, race, ethnic, customs, norms, ethic, and value in the Malaysia society itself.

The FTK is seen as a prime mover in the support of the national culture of Malay society be it local and native or aborigine. This perspective opens the research to ethno choreology the approach stresses on understanding research to the relations, dance ethnology allowing the importance of shape and style in connection to tribal Malay dance. Similar research in 1964 has been presented by Martin and Kurath which "The study of dance forms in relation to other aspects of culture."

Comparison is made to distinguish between the classic dance, ethnic dance of and the social dance. The classic dance is the dance which has been established in its terms historical and performance structure. Ethnic dance, is the dance which has grown in particular tribes in Sabah and Sarawak where the function, traditional polarity, and the system of the particular custom helps to shape the performance.

In the light of the dance as a platform for transformation of cultural boundaries the research centers on shapes and style of the art performance of the FTK, with special reference to the choreographic research center of on the composition of element that strengthen the dance movement.

Almost every state in Malaysia, have their own unique dance that has been dubbed as the ‘prima donna’ for each state. The concept of prima donna shows the origin of each dance as performed as unique to their states of origin. For example, the canggung dance is for Perlis, boria for Pulau Pinang, asyik for Kelantan, kuda kepang for Johor, sumazau for Sabah, ngajat for Sarawak, as haring the status of the prima donna dance type of the states mentioned.

An interesting concept is, the concept of potpourri in dance used in the West, which in this there the pattern is suited to the conceptual arrangement known as “*tari rampaian*” in the FTK. The choreography of ‘rampaian’ dance format is used to identify the shape and style of creative dance performance to evaluate contemporary creativity.

The category of the traditional indigenous dance, contains the pattern and style of performance of “dua serangkai”, in effect this means that the dance although traditional in nature is required to be composed in a pattern which is derived from two ‘*asli*’ dance style. At the national level of FTK this format has been establish as a requirement of the festival for the last ten years.

The contents the thesis is divided into seven chapters. The beginning chapter treats the research purpose, objective, perspective, definition, methods and benefit from the research chapter two discusses Malay dance in Malaysia seen from the background of society and its growth, especially its definition. The chapter also treats the two main differences in dance in Malaysia with relation to old and modern dance.

Chapter three placed the summery of indigenous dance in the festival. It covers general characteristic and discussion on some cases in the dance. Chapter four covers characteristic of some cases in creative dance, especially the fundamental elements of composition, construction, move motives, aesthetic, and the shape of dance composition.

Chapter five discusses organization and evaluation covering organizational aspects, sponsor, marking system, knowledge conference, and communication activities.

Chapter six focuses on choreographic analysis, composition and production. It covers the choreography and composition of two dance categories mainly indigenous and creative dance. Also included is the elements of choreography such as discussion about theme, performing style, move phases, floor composition and cluster, audience, perspective, expression, stage decoration, dancing gears, dress accessories, music for the dance. Chapter seven conclude final discussion with a and summery.